

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1971

CHARA<sup>2</sup> (CRITERIA) MENENTUKAN TARAF PENCHEN  
PEKERJA<sup>2</sup> DALAM BAHAGIAN IV DAN PERATORAN<sup>2</sup>  
MELETAKKAN MEREKA KA-DALAM PERJAWATAN  
BERPENCHEN<sup>1</sup>

Ada pun tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini ia-lah menerangkan chara<sup>2</sup> memberi taraf berpenchen kepada pekerja<sup>2</sup> Bahagian IV. Sa-bagaimana terma'alum Kerajaan telah pun memutuskan untok memberi taraf berpenchen kepada golongan pekerja<sup>2</sup> yang berkenaan itu mulaï daripada 1hb Mei, 1969. Keputusan Kerajaan ini ada-lah setakat memberi taraf berpenchen chuma kepada pekerja<sup>2</sup> yang memegang jawatan<sup>2</sup> yang di-iktirafkan sebagai jawatan<sup>2</sup> tetap sahaja. Untok maksud faedah<sup>2</sup> persaraan sahaja, pekerja<sup>2</sup> yang telah meninggal dunia pada atau sa-lepas 1hb Ogos, 1968 atau bersara sa-lepas tarikh itu tetapi meninggal dunia atau bersara sa-belum 1hb Mei, 1969 akan di-anggap sa-olah<sup>2</sup> mereka telah menerima perubahan gaji kepada gaji berseh mulaï daripada 1hb Ogos, 1968. Keputusan Kerajaan ini boleh di-dapati dalam Perenggan<sup>2</sup> 65 dan 66 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1970.

**Penentuan Jawatan<sup>2</sup> Berpenchen**

2. Surohanjaya Gaji Suffian telah membuat perakuan bahawa bagi maksud faedah<sup>2</sup> penchen, pegawai<sup>2</sup> dalam perkhidmatan Kerajaan hendak-lah di-bahagikan kepada 2 kumpulan sahaja ia-itu:

- (a) Tetap dan berpenchen; dan
- (b) Sementara dan tidak berpenchen.

3. Jawatan<sup>2</sup> dalam Bahagian IV yang di-tunjokkan di-bawah Pechahan Kepala Gaji dalam Anggaran Belanja Mengurus yang bukan di-tulis sa-bagai jawatan<sup>2</sup> sementara atau di-wujudkan bagi sa-suatu projek tertentu, ada-lah jawatan tetap. Jawatan<sup>2</sup> yang tidak di-tunjokkan dengan huruf<sup>2</sup> chondong (*italics*) ada-lah jawatan tetap dan berpenchen. Jawatan<sup>2</sup> ini telah pun di-istiharkan sa-bagai berpenchen. Jawatan<sup>2</sup> yang di-tunjokkan dengan huruf chondong dalam Buku Anggaran ada-lah juga jawatan<sup>2</sup> tetap tetapi tidak berpenchen mengikut prinsip dahulu. Untok memenohi taraf berpenchen sa-bagai yang di-perakukan oleh Surohanjaya Gaji Suffian, senarai jawatan<sup>2</sup> tersebut sa-bagaimana yang terdapat dalam Lampiran "A" kepada Pekeliling ini boleh di-tempatkan dalam perjawatan berpenchen. Jawatan<sup>2</sup> dalam Lampiran itu akan di-istiharkan sa-bagai jawatan<sup>2</sup> berpenchen dalam *Warta* Kerajaan. Jawatan<sup>2</sup> lain, yang berikutan daripada sa-suatu taksiran boleh di-tempatkan dalam perjawatan berpenchen akan jua di-wartakan.

**Jawatan<sup>2</sup> Sementara**

4. Dalam hal jawatan<sup>2</sup> sementara Ketua<sup>2</sup> Jabatan hendaklah memberitahu Jabatan ini akan jawatan<sup>2</sup> tersebut yang terdapat di Jabatan-nya serta keterangan<sup>2</sup> berikut:

- (a) Tarikh jawatan itu di-ujudkan;
- (b) Samada jawatan itu hendak di-kekalkan serta menyatakan alasan<sup>2</sup>-nya;
- (c) Samada jawatan<sup>2</sup> tersebut di-ujudkan bagi projek<sup>2</sup> tertentu dan nyatakan apa-kah projek yang berkenaan itu serta lama-nya projek itu akan berjalan;
- (d) Butiran dan Pechahan Kepala Anggaran Belanja Mengurus.

5. Kajian akan di-buat samada jawatan<sup>2</sup> sementara tersebut boleh di-beri taraf tetap sa-telah keterangan<sup>2</sup> di-atas di-perolehi.

**Kelayakan untuk di-letakkan ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen bagi pekerja<sup>2</sup> yang memenohi jawatan<sup>2</sup> berpenchen**

6. Pekerja<sup>2</sup> yang telah berkhidmat sa-kurang<sup>2</sup>-nya 3 tahun pada atau sa-lepas 1hb Ogos, 1968 dalam satu<sup>2</sup> jawatan tetap dan berpenchen seperti yang di-tentukan di-atas ada-lah layak di-pertimbangkan untuk di-letakkan ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen. Demikian juga pegawai<sup>2</sup> sementara yang telah berkhidmat dengan memuaskan sa-lama 10 tahun atau lebih akan juga berke-layakan untuk di-letakkan dalam perjawatan tetap dan berpenchen. Bagi pegawai<sup>2</sup> sementara yang telah berkhidmat kurang daripada 10 tahun tetapi mempunyai kelayakan<sup>2</sup> yang di-kehendaki untuk sesuatu jawatan dan juga telah berkhidmat dengan memuaskan sekurang<sup>2</sup>-nya 3 tahun pada 1hb Ogos, 1968 atau sa-lepas-nya boleh juga di-pertimbangkan untuk di-letakkan dalam perjawatan tetap dan berpenchen. Pekerja<sup>2</sup> yang telah meninggal dunia pada atau sa-lepas 1hb Ogos, 1968 dan pekerja<sup>2</sup> yang telah bersara sa-lepas tarikh itu ada-lah layak di-timbangkan juga jika pada tarikh mereka meninggal dunia atau bersara mereka telah berkhidmat dengan memuaskan sa-lama 3 tahun dalam sesuatu jawatan tetap dan berpenchen.

**Peratoran<sup>2</sup> bagi meletakkan sa-saorang pekerja ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen**

7. Peratoran bagi meletakkan sa-saorang pekerja itu ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen ada-lah sa-bagaimana yang di-tetapkan dalam Perintah 'Am Bab "A" 28. Walau bagaimana pun peratoran itu ada-lah di-ubah sedikit pada sa-tengah<sup>2</sup> pekerja yang terlibat dalam urusan ini, khusus-nya bagi:

- (i) mereka yang telah bersara sa-lepas 1-8-68;
- (ii) mereka yang telah meninggal dunia pada atau sa-lepas 1-8-68; dan
- (iii) mereka yang telah di-lantek menerusi perwakilan kuasa oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam tanpa Surat Akuan Perubatan (Medical Certificate).

8. Ada-lah di-putuskan bahawa bagi maksud urusan meletakkan pekerja<sup>2</sup> dalam Bahagian IV ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen, syarat<sup>2</sup> dan peratoran<sup>2</sup> yang di-nyatakan di-bawah ini ada-lah di-persetujui :

*Golongan Pekerja<sup>2</sup>*

- (a) Pekerja yang telah menjalani peperiksaan doktor dan di-dapati layak untuk berkhidmat dan telah bersara sa-lepas 1hb Ogos, 1968.
- (b) Pekerja<sup>2</sup> yang telah di-lantek dalam keadaan yang sama seperti di-dalam Perintah Am Bab "A" 16 dan 17 dan telah bersara sa-lepas 1hb Ogos, 1968.
- (c) Pekerja yang tidak menjalani peperiksaan doktor dan telah bersara sa-lepas 1hb Ogos, 1968.
- (d) Pekerja yang telah menjalani peperiksaan doktor dan di-dapati layak berkhidmat tetapi telah mati pada atau sa-lepas 1hb Ogos, 1968.
- (e) Pekerja<sup>2</sup> yang telah di-lantek dalam keadaan yang sama seperti di-dalam Perintah Am Bab "A" 16 dan 17 tetapi telah mati pada atau sa-lepas 1hb Ogos, 1968.
- (f) Pekerja yang tidak menjalani peperiksaan doktor tetapi telah mati pada atau sa-lepas 1hb Ogos, 1968.
- (g) Pekerja yang sedang berkhidmat.

*Peratoran*

- (i) Ketua Jabatan hanya di-kehendaki mengemukakan perakuan sa-bagaimana yang di-bekalkan dalam Perintah Am Bab "A" 28 (a) (ii).
- (ii) Tarikh perletakan ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen mulai daripada tarikh sa-hari sa-belum ia bersara.
- A. JIKA BERSARA ATAS SEBAB<sup>2</sup> KESESIHATAN—  
Tidak layak di-letakkan ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen.
- B. JIKA IA BERSARA KERANA SEBAB<sup>2</sup> LAIN—  
Seperti golongan pekerja (a) di-atas.  
Seperti golongan pekerja (a) di-atas.
- Seperti golongan pekerja (a) di-atas (Tarikh perletakan ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen mulai daripada tarikh ia mati).
- A. JIKA KEMATIAN DI-SEBABKAN OLEH PENYAKIT YANG BERAT DAN BERLARUTAN (DEATH IS CAUSED BY A CHRONIC DISEASE)—  
Tidak layak di-letakkan ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen.
- B. JIKA KEMATIAN TIDAK DALAM KEADAAN SAPERTI A—  
Seperti golongan pekerja (a) di-atas (Tarikh perletakan ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen mulai daripada tarikh ia mati).
- A. JIKA KEMATIAN DI-SEBABKAN OLEH PENYAKIT YANG BERAT DAN BERLARUTAN (DEATH IS CAUSED BY A CHRONIC DISEASE)—  
Tidak layak di-letakkan ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen.
- B. JIKA KEMATIAN TIDAK DALAM KEADAAN SAPERTI A—  
Seperti golongan pekerja (a) di-atas (Tarikh perletakan ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen mulai daripada tarikh ia mati).
- Peratoran mengikut Perintah Am "A" 28.

### **Kuasa bagi menimbangkan untuk meletakkan ka-dalam Perjawatan Tetap dan Berpenchen**

9. Surohanjaya Perkhidmatan Awam telah bersetuju mewakili kuasa meletakkan pekerja<sup>2</sup> dalam Bahagian IV bagi sa-suatu Jabatan di-dalam perjawatan tetap dan berpenchen, kepada sa-buah Lembaga yang terdiri daripada Ketua Setia-usaha Kementerian dan sa-orang pegawai Bahagian I dalam Kementerian yang berkenaan. Oleh yang demikian Ketua<sup>2</sup> Jabatan hendaklah membuat perakuan<sup>2</sup> bagi meletakkan pekerja<sup>2</sup> yang layak ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen kepada Lembaga tersebut.

### **Chara<sup>2</sup> meletakkan ka-jawatan tetap dan berpenchen**

10. Apabila sa-saorang pekerja di-letakkan ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen Lembaga hendaklah mengeluarkan surat perletakan, saperti di-Lampiran "B", kepada pekerja yang berkenaan, jika ia maseh berkhidmat. Bagi pekerja<sup>2</sup> yang telah meninggal dunia atau bersara, Lembaga hendaklah memberitahu mengenai perletakan itu kepada Ketua Jabatan di-mana ia berkhidmat sa-belum ia mati atau bersara. Ketua<sup>2</sup> Jabatan hendaklah menchatetkan perletakan sa-saorang pegawai itu ka-dalam perjawatan tetap dan berpenchen dalam buku perkhidmatan-nya.

### **Charuman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja**

11. Ketua<sup>2</sup> Jabatan hendaklah menentukan bahawa apabila sa-saorang pekerja itu telah di-letakkan ka-dalam perjawatan berpenchen, charuman-nya kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di-berhentikan. Faedah<sup>2</sup> persaraan dan faedah<sup>2</sup> lain, mithal-nya ganjaran mati, yang telah di-luluskan bagi pekerja<sup>2</sup> yang telah meninggal dunia pada atau sa-lepas 1hb Ogos, 1968 atau bersara sa-lepas tarikh itu, hendaklah di-hetong sa-mula berasaskan kepada taraf berpenchen mereka dan gaji berseh. Di-mana berkenaan, mereka akan di-benarkan membuat:

- (a) pilehan yang di-untokkan di-bawah peruntukan 16. Per-atoran<sup>2</sup> Penchen, 1957; dan
- (b) pilehan baharu di-bawah perenggan 8 dalam Lampiran "A" kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 tahun 1960.

TAN SRI SYED ZAHIRUDDIN BIN SYED HASSAN,  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
RUMAH PERSEKUTUAN,  
KUALA LUMPUR,  
*24hb Mach, 1971*

#### **CATATAN:**

\* Sila rujuk Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/73 bertarikh 19hb Februari, 1973.